

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tentang penyaluran dana pinjaman melalui TEKUN mengikut kaum pada tahun 2019 dan setakat bulan Jun 2020. Bagaimanakah penglibatan kaum India dalam peruntukan khas yang disediakan melalui TEKUN untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Sebagai salah sebuah institusi kewangan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), TEKUN Nasional komited untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan kecil Bumiputera dan juga kaum India khususnya dalam penyaluran tambahan modal bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan.
2. Bantuan pembiayaan kepada usahawan-usahawan kaum India diberikan melalui program khusus iaitu Program Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI).
3. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan melalui SPUMI adalah dari nilai RM1,000.00 sehingga RM100,000.00. Manakala, tempoh bayaran balik pembiayaan adalah di antara 6 bulan sehingga 10 tahun, dengan kadar keuntungan sebanyak 4%.
4. Sejak diperkenalkan pada tahun 2008, sehingga Disember 2019, SPUMI telah berjaya dimanfaatkan oleh 21,887 orang usahawan India dengan jumlah keseluruhan pembiayaan sebanyak RM306 juta.
5. Bagi tahun 2019, TEKUN Nasional telah membantu seramai **885 usahawan India** dengan nilai pembiayaan **berjumlah RM19.2 juta**. Manakala bagi **tahun 2020 sehingga bulan Mei**, TEKUN Nasional telah menyalurkan **bantuan pinjaman kepada seramai 214 orang usahawan India dengan nilai pembiayaan berjumlah RM6.4 juta**.
6. Berdasarkan laporan kajian keberhasilan (*outcome*) yang dijalankan kepada usahawan SPUMI yang menerima pembiayaan pada tahun 2018, didapati bahawa 76% daripada usahawan mencatatkan peningkatan jualan bulanan melebihi 20%, manakala 79% usahawan berjaya meningkatkan keuntungan bersih perniagaan.

Sekian, terima kasih.